

Sanjung dan rai pencapaian

► Abu Bakar Mohd Nor Jauhari 2017 ► Nur Yusrina Ya'acob Jauhari Harapan ► Ramli Sarip, Fandi Ahmad Jauhari Sepanjang Hayat ► Ismail Gafoor, Mohamed Abdul Jaleel, Jummaida Rusdon, Suhaimi Salleh Jauhari Perniagaan



MAJLIS ANUGERAH: (Dari kiri) Timbalan CEO SPH, Encik Anthony Tan, CEO SPH, Encik Ng Yat Chung; Datuk Ramli Sarip; Encik Mohamed Abdul Jaleel; Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim; Encik Ismail Gafoor; isteri Encik Abu Bakar, Cik Suriani Selamat; Encik Abu Bakar; Presiden Halimah Yacob; suaminya, Encik Mohamed Abdullah Alhabshee; Cik Jummaida Rusdon; Encik Suhaimi Salleh; Cik Wendy Jacobs; Cik Nur Yusrina Ya'acob; Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad; Editor Berita Harian/Minggu, Encik Saat Abdul Rahman; dan Editor Pengurusan Kumpulan Media Inggeris/Melayu/Tamil (EMTM) SPH, Encik Alvin Tay; di majlis Anugerah Jauhari Berita Harian malam tadi. - Foto-foto M.O. SALLEH



JAUHARI 2017: Pemenang Anugerah Jauhari Berita Harian 2017, Encik Abu Bakar, dan isteri, Cik Suriani Selamat.

► ERVINA MOHD JAMIL
ervinamj@sph.com.sg

DENGAN ketabahannya menanganinya secara berkesan apa jua cabaran pekerjaan dan hidup serta sikap tidak kenal erti putus asa, beliau membuktikan keupayaannya hingga diberi pelbagai amanah penting – baik dalam kerjaya mahupun Perkhidmatan Negara (NS).

Ia juga berkat usaha beliau tidak pernah berhenti menimba ilmu dan memertingkatkan diri, meskipun memulakan kerjayanya di syarikat Keppel hampir tiga dekad lalu dengan hanya segulung diploma.

Tulah antara ciri cemerlang penerima Anugerah Jauhari Berita Harian 2017 – Encik Abu Bakar Mohd Nor, 51 tahun, Pengarah Urusan (Gas dan Kapal Khusus) Keppel Offshore & Marine.

Anugerah yang disampaikan *Berita Harian* kepada individu atau pertubuhan Melayu/Islam itu mengiktiraf sumbangan dan pencapaian cemerlang penerima dalam bidang masing-masing.

Encik Abu Bakar menerima anugerah berprestij itu daripada Presiden Halimah Yacob dalam satu majlis gah di Hotel Mandarin Orchard malam tadi.

Beliau menyandang jawatan sekarangnya itu setelah melaksana dengan jatanya beberapa peranan kepimpinan lain dalam kerjayanya, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Nakilat-Keppel Offshore & Marine Ltd – satu usahasama lumbungan kapal antara Keppel

dan sebuah firma Qatar – dari 2011 hingga 2015.

Selain itu, Encik Abu Bakar giat berbakti kepada negara melalui pelbagai peranan dalam NS.

Sebagai askar kerahan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) berpangkat kolonel, beliau kini memegang jawatan Ketua Turus Pasukan Pertahanan Rakyat Kedua (2 PDF).

Walaupun percaya bahawa kewujudan peluang dan sekitaran kondusif penting, bapa dua anak itu menekankan bahawa keinginan dan kerja keras penting demi mengecap kejayaan.

Mengulas mengenai pemilihan Encik Abu Bakar sebagai penerima Anugerah Jauhari itu, Editor Berita Harian/Minggu, Encik Saat Abdul Rahman, berkata:

“Kegigihan, dedikasi dan disiplin (Encik Abu Bakar) berhubung pembangunan kerjaya profesionalnya dan komitmen Perkhidmatan Negara (NS) beliau mengagumkan dan merupakan sumber inspirasi. Ini menjadikan beliau wajar menerima anugerah tersebut.”

Dalam ucapannya malam tadi, Encik Abu Bakar antara lain mengesahkan beliau supaya terus berusaha demi mengharumkan nama masyarakat.

“Belia kita harus terus berusaha dengan keyakinan dan ketabahan agar dapat mengharumkan lagi (nama) masyarakat kita kerana mereka generasi pelapis negara yang akan datang.

“Saya percaya yang penting kita se-

bagai sebuah masyarakat haruslah berpadu, saling membantu dan prihatin tentang perkembangan sesama kita supaya, insya-Allah, masyarakat Melayu/Islam Singapura menjadi masyarakat gemilang dan cemerlang,” ujarnya.

Encik Abu Bakar turut merakamkan penghargaan kepada Keppel bagi sokongan mereka kepadanya selama ini.

“Walaupun saya tidak mempunyai ijazah, Keppel tidak pernah menjadikannya sebab untuk menjejaskan peluang yang diberikan kepada saya.

“Sebaliknya, mereka terus membangunkan saya, hantar saya mengikuti kursus sehingga mendapat ijazah sarjana dan memberi saya tugas dan pelantikan untuk terus mengasah kecekapan saya,” ujarnya.

Majlis penyampaian anugerah yang dibawa Courts Singapore itu dihadiri lebih 530 tetamu, termasuk tokoh politik dan perniagaan serta pemimpin masyarakat.

Turut disampaikan semalam ialah Anugerah Jauhari Harapan yang mengiktiraf pencapaian dan potensi individu Melayu/Islam berusia 30 tahun ke bawah.

Penerimaannya ialah Cik Nur Yusrina Ya'acob, 30 tahun – wanita Melayu/Islam Singapura pertama menawan Gunung Everest.

Sekitar dua tahun setelah gempa bumi yang menggemparkan Nepal memba-

talkan percubaan pertamanya berdiri di puncak tertinggi dunia itu, Cik Nur Yusrina mencuba lagi dan membuktikan kebolehannya menakluki Everest pada Mei lalu.

Beliau menerima trofi dan hadiah wang tunai sumbangan Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS).

Berita Harian turut menyampaikan dua anugerah khas sempena ulang tahun ke-60 akhbar ini tahun ini, iaitu Anugerah Jauhari Perniagaan dan Anugerah Jauhari Sepanjang Hayat.

Anugerah Jauhari Perniagaan mengiktiraf semangat keusahawanan dalam masyarakat Melayu/Islam Singapura.

Penerimaannya ialah CEO SSA Consulting Group, Encik Suhaimi Salleh; CEO PropNex Realty, Encik Ismail Gafoor; CEO Busy Bees Asia, Cik Jummaida Rusdon; dan CEO MES Group, Encik Mohamed Abdul Jaleel.

Anugerah Jauhari Sepanjang Hayat mengiktiraf pencapaian dan sumbangan tokoh masyarakat dalam pelbagai bidang dan diberi kepada penyanyi Ramli Sarip dan legenda bola sepak Fandi Ahmad.

Abu Bakar bersemangat waja, berani hadapi cabaran
- Muka 8

Nur Yusrina: Anugerah beri peluang kongsi pengalaman
- Muka 9

SOLAT

Subuh 5.34

Syuruk 6.51

Zuhur 12.55

Asar 4.04

Maghrib 6.57

Isyak 8.05



BERINFAQ dan BERZAKATLAH untuk MADRASAH WAK TANJONG AL ISLAMIAH

Sumbangan Ikhlas anda Amat Besar ertinya bagi Pelajar-Pelajar kami dalam Mendapatkan Pendidikan dan Prasarana Terbaik demi mencapai Cita-Cita mereka

Anda boleh menyokong kami melalui :
Zakat Harta | Derma ke Dana Madrasah

Kini anda boleh menderma dengan mudah!

1 Dapatkan borang dan derma tunai di pejabat kami

2 Nets Kiosk di Restoran Afghanistan 201E Tampines Street 23, Singapore 527201

Nets Kiosk di Nikmart Halal Frozen 34 Joo Chiat Road, Singapore 427364

Nets Kiosk di Koh Nang Kam Thai Muslim Restaurant 6 Jalan Keledek, Singapore 198711

3 Fund Transfer : MayBank Account 04144000172

4 Cek boleh dibuat atas nama: MADRASAH WAK TANJONG AL ISLAMIAH

1900-112-3010 \$10

1900-112-3050 \$50

Hubungi kami 67410131

